

# Anwar cabar pembangkang kemuka usul undi tak percaya

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mencabar pembangkang mengemuka usul undi tidak percaya terhadapnya di Dewan Rakyat yang dijadual ber-sidang pada 14 Oktober ini.

Perdana Menteri berkata, pembangkang perlu mengikut lunas undang-undang dalam perkara seperti itu dan bukan sewenang-wenangnya mendesak beliau melepaskan jawatan.

Beliau yang juga Presiden PKR tidak memperinci mana-mana pihak, tetapi dipercayai merujuk kepada usul pada Muktamar Dewan Pemuda PAS Pusat Ke-70 baru-baru ini yang mendesaknya melepaskan jawatan Perdana Menteri.

“Ada 30 orang suruh Anwar turun. Ingat negara dia tak ikut hukum. Nak turunkan, sila. Saya beri jaminan. Ada (bentang) usul sidang Parlimen pertengahan Oktober.

“Bawa usul undi tidak percaya kepada Anwar sebagai Perdana Menteri. Sempat. Kalau lambat pun, saya luluskan,” katanya.

Beliau berkata demikian keti-



*Orang ramai yang hadir pada Himpunan Keadilan: Suara Rakyat Suara Keramat, Dari Reformasi ke Malaysia MADANI di Bukit Jalil, kelmarin.*  
(Foto Saifullizan Tamadi/BH)

ka berucap pada Himpunan Keadilan: Suara Rakyat Suara Keramat, Dari Reformasi ke Malaysia MADANI kelmarin.

Himpunan itu diadakan khusus oleh PKR bagi memperingati tarikh Anwar dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ditahan pada 20 September 1997.

Turut hadir isteri Anwar, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Naib Presiden PKR, Da-

tuk Seri Amirudin Shari; Setiausaha Agung PKR, Fuziah Salleh serta Ketua Penerangan PKR, Fahmi Fadzil.

Menjawab ucapan Pemuda PAS dalam muktamar itu yang menggelarnya sebagai banduan yang menjadi Perdana Menteri, Anwar berkata: “Ya, saya memang bekas banduan, tapi banduan terhormat dengan tuduhan zalim dan keji.

“Dulu kamu, bapa-bapa kamu,

pemimpin-pemimpin PAS antara benteng pertama pertahankan kami dan menolak fitnah itu.

“Sekarang anak-anak mereka yang jahil tentang sejarah. Yang jadi perkakas kepada perasuah. Yang menjadi alat kepada pencuri harta. Sekarang mahu jadi jaguh,” katanya.

Anwar berkata, pejuang besar seperti Presiden PAS, Allahyarham. Datuk Fadzil Noor; Mursyidul Am PAS, Allahyarham Da-

tuk Seri Nik Aziz Nik Mat dan mantan Imam Besar Masjid Negara, Datuk Taib Azamuddin Mohd Taib antara yang mempertahankan beliau daripada fitnah berkenaan.

Sementara itu, Anwar mengingatkan ahli PKR supaya memperkukuh jentera dan memastikan obor perjuangan reformasi terus menyala.

Beliau berkata, obor perjuangan itu akan terus menyala berbekalkan semangat suara rakyat, suara keramat.

“Terus perkuat jentera kita dan beritahu mereka, jangan ugut, jangan hina, jangan aib kerana kami sudah lalui semua. Insya-Allah, kita mesti fokus kerja perkukuh parti, fokus kibar, semarakkan semangat reformasi.

“Ingat, jangan anggap enteng. Saya sudah pun sampai ke umur yang amat dewasa, 77 tahun. Saya bertanggungjawab pastikan obor perjuangan ini terus menyala dengan suara saudara-saudara. Suara rakyat, suara keramat,” kata beliau disambut dengan sorakan lebih 10,000 hadirin.